



Skim Pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Bribery

Kenyataan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara YBhg Tan Sri Mohd Zuki Ali di Berita Harian (18 April 2021) adalah dirujuk

" Semua Kementerian akan mendapatkan pensijilan daripada badan pensijilan tempatan yang diiktiraf antarabangsa iaitu SIRIM QAS International. Pensijilan ini bertujuan memastikan sistem ini akan sentiasa di pantau dan diaudit keberkesannya. Ini akan membantu organisasi untuk bertindak dalam meminimumkan ruang dan peluang rasuah berlaku"

Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMSR) Siri 14 pada 19 April 2021, Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pensijilan Anti-Bribery Management Systems - MS ISO 37001:2016 bagi kementerian/jabatan/kerajaan negeri masing-masing dalam tahun 2021.

Kami Sedia Membantu

SIRIM QAS International, anak syarikat milik penuh SIRIM Berhad, yang merupakan agensi kerajaan adalah badan pensijilan pertama dan satu-satunya yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia, yang menawarkan pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Bribery.

Pensijilan Sistem Pengurusan *Anti-Bribery* ini menggariskan keperluan dan memberi panduan kepada organisasi dalam mencegah, mengesan, dan bertindak balas terhadap aktiviti penyogokan atau rasuah di dalam sesebuah organisasi. Pelaksanaan sistem pensijilan ini dapat memperkukuhkan integriti, tadbir urus yang berkesan seterusnya mengekang gejala rasuah daripada terus berlaku.

Sesebuah agensi yang melaksanakan skim pensijilan ini juga dapat mengurangkan kos operasi, mengukuhkan prestasi kewangan, membudayakan integriti, dan meningkatkan moral pekerja.

Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International, Nur Fadhilah Muhammad

berkata, bermula tahun 2017 sehingga kini, SIRIM QAS telah mengiktiraf 92 organisasi dengan pensijilan ISO 37001:2016 dan MS ISO 37001:2016. Sebanyak 37 daripadanya adalah kementerian, agensi kerajaan serta kerajaan negeri.

“SIRIM QAS bersedia menerima kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan mana-mana organisasi yang ingin melaksanakan pensijilan ISO 37001, bagi meningkatkan integriti dan prestasi mereka,” katanya.

Menurut Nur Fadhilah, kementerian, agensi kerajaan dan organisasi perlu menerapkan Sistem Pengurusan *Anti-Bribery* ISO 37001 sebagai mekanisme pertahanan yang berkesan dalam menguruskan risiko rasuah dan menjadikannya sebahagian daripada usaha berterusan ke arah menjadi negara bebas rasuah.

“Pensijilan dari SIRIM QAS International memberikan keyakinan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan bahawa organisasi yang diperakui menggunakan amalan terbaik global dalam menguruskan risiko rasuah,” katanya..

SIRIM QAS juga turut bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti penyebaran maklumat dalam mendidik berhubung pelaksanaan ABMS kepada semua pemain industri termasuk kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Sertai Webinar Kami

WEBINAR
SKIM PENSIJILAN
SISTEM
PENGURUSAN
ANTI-BRIBERY

Tadbir Urus Korporat Berkesan
Berdasarkan Amalan Terbaik Global

- 5 Mei 2021 (Rabu)
- 10.00 pagi – 12.00 tengah hari
- Microsoft Teams Live Event
- Pertanyaan: 012 263 9476
03 5544 5077

Penyertaan khusus kepada wakil: Kementerian,
Jabatan, Agensi Kerajaan & wakil organisasi

Imbas untuk pendaftaran

sirim-qas.com.my

Pada 5 Mei 2021, satu webinar *Skim Pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Bribery-Tadbir Urus Korporat Berkesan Berdasarkan Amalan Terbaik Global* telah dianjurkan secara dalam talian.

Objektif webinar ini adalah untuk membantu wakil organisasi mengetahui lebih lanjut bagaimana pensijilan *Anti-Bribery* ini dapat dimanfaatkan, di samping memberi kesedaran mengenai keperluan, kepentingan skim pensijilan ini untuk dilaksanakan di sektor awam dan sektor-sektor lain amnya.

SIRIM QAS menjemput wakil di setiap kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan wakil organisasi di bawah sektor awam untuk mengambil peluang dengan menyertai webinar yang dijalankan secara percuma pada masa akan datang. sila hubungi:

Pn, Sharifah di 012-263 9476/ 03-5544 5077 sebelum 28 May 2021 untuk pendaftaran segera.

Need help or have a question?

Helpline: +603 5544 6400

[Enquiry Now](#)

Follow us on



[About SIRIM QAS](#)

SIRIM QAS International Sdn Bhd is an accredited testing, inspection and certification body with an established presence in over 37 countries worldwide. Together with our highly trained and experienced personnel, we are committed to provide our clients with the highest standards of service. With our wide range of services and stellar track record in the area of conformity assessment, we are your partners in assurance and quality.



© SIRIM QAS International. All Rights Reserved